

R GB 02-09 00164

aab

Mahathir - Bahasa

(EMBARGO: Untuk Siaran Selepas 10 malam ini, 2 Sept

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Nasionalis yang sebenar bukan semata-mata orang yang sayang kepada bahasanya tetapi orang yang sayang kepada bangsanya dan mahu bangsanya maju, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Oleh itu, kata Perdana Menteri, seseorang nasionalis akan menggunakan apa jua alat yang boleh memajukan bangsanya.

+Dan kalau bahasa Inggeris adalah alat untuk memajukan bangsanya, maka dia akan belajar bahasa Inggeris...tetapi tidak lupa akan daratan, tidak lupa asal-usulnya,+ katanya dalam rancangan Wawancara +Bersama Perdana Menteri+ selama hampir sejam yang disiarkan melalui TV1 RTM malam ini.

Beliau berkata setiap orang yang ingin maju dalam dunia moden ini mestilah menguasai sekurang-kurangnya dua bahasa iaitu bahasa ibunda dan satu bahasa lain.

Perdana Menteri menjelaskan demikian apabila diminta mengulas anggapan sesetengah pihak kononnya bahasa kebangsaan tidak ada masa depan dalam negara industri yang akan wujud pada tahun 2020. -- Lagi

♥02/09/21-44MST

BH600

R GB 02-09 00147

aab

Mahathir - Bahasa 2 Kuala Lumpur

Kerajaan menggalakkan penguasaan bahasa Inggeris kerana ia diketahui oleh majoriti penduduk dunia, katanya sambil menambah bahawa orang Jepun yang begitu maju pun juga terpaksa menguasai bahasa Inggeris.

+Kita perlu tahu bahasa Inggeris kerana perkataan-perkataan yang kita mesti gunakan dalam dunia moden ini kadang-kadang tidak ada dalam bahasa kita, dan kita terpaksa pinjam.

+Kalau kita ada rundingan dan kita menggunakan bahasa kita sahaja, dan kita tidak faham sama sekali bahasa lain, kita tidak boleh mengadakan treaty (perjanjian),+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir yakin bahawa satu hari kelak bahasa Melayu akan dipelajari oleh bangsa-bangsa lain jika Malaysia menjadi negara maju dan menguasai perdagangan antarabangsa.

Tetapi, katanya, tidak ada siapa yang mahu mempelajari bahasa Malaysia sekiranya rakyat Malaysia menjadi bangsa yang mundur, ketinggalan dan tidak ada tamadun sama sekali. ---Lagi

♥02/09/21-45MST

BH601

R GB 02-09 00172

aab

Mahathir - Bahasa 3 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata bahawa pada masa ini ramai yang mempelajari bahasa Jepun bukan kerana meminati bahasa itu tetapi menyedari bahawa Jepun adalah satu bangsa yang maju.

+Semuanya bergantung kepada sikap kita, dan kita perlu pupuk sikap yang mengutamakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa yang memberi identiti kepada kita.

+Kalau kita belajar bahasa Inggeris dan dengan itu kita dapat kemajuan, (dan sebagai) bangsa yang maju, bahasanya akan dihormati,+ katanya.

Beliau berkata negara akan ketinggalan jika rakyat hanya mahu mengetahui satu bahasa sahaja +kerana banyak ilmu bukan dalam bahasa ibunda.+

Perdana Menteri berkata penguasaan dua bahasa akan memperkuat daya pemikiran seseorang kerana dia mampu mendapatkan pengetahuan daripada sumber yang berlainan.

Anggota panel semasa wawancara itu terdiri daripada Fellow Kanan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS), Encik Rustam A. Sani, Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu (M) Bhd, Encik Zainuddin Maidin dan Profesor Madya Dr Ishak Shari dari Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia. -- Bernama

♥02/09/21-45MST